

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UTeM HOLDINGS
PROFESOR DATUK Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN**

**MAJLIS APRESIASI KUMPULAN UTeM HOLDINGS
TAHUN 2024**

**14 Julai 2024 (Ahad) | 08.00 Malam
Ames Hotel, Melaka**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berbahagia Datuk Hajah Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin
Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM Holdings Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

merangkap

Ahli Lembaga Pengarah UTeM Holdings Sdn. Bhd. dan JELITA TVET Women Academy Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

merangkap

Ahli Lembaga Pengarah UTeM Holdings Education Sdn. Bhd.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Yang Berusaha Profesor Madya Ts. Mohd Rahimi bin Yusoff

Care Taker Ketua Pegawai Eksekutif UTeM Holdings Sdn. Bhd.

Ahli – Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan UTeM Holdings

Barisan Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan UTeM Holdings

Penerima – Penerima anugerah yang diraikan

Tuan – Tuan dan Puan – Puan yang saya kasih sekalian

Assalamualaikum Wbt

Salam Sejahtera
Salam Malaysia Madani,
Salam UTeMku Sayang
Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan.

1. Alhamdulilah, saya ingin merafa'kan setinggi – tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana di atas limpah kurnia dan keizinannya dapat kita bersama – sama pada malam ini berkumpul dalam Majlis Apresiasi Kumpulan UTeM Holdings Tahun 2024 yang julung pertama kalinya diadakan sepanjang penubuhan UTeM Holdings Sdn. Bhd.
2. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan UTeM Holdings di atas kesudian melapangkan masa untuk menghadiri majlis ini. Diharapkan majlis ini akan menjadi satu permulaan untuk Ahli Lembaga Pengarah beramah mesra dan kenal mengenali diantara satu sama lain, seterusnya bertukar pandangan dan idea untuk meningkatkan peluang perniagaan di Kumpulan UTeM Holdings.
3. Saya percaya majlis sebegini merupakan suatu bentuk dorongan atau motivasi yang baik bagi semua staff Kumpulan UTeM Holdings untuk terus meningkatkan prestasi masing – masing. Pada masa yang sama, majlis sebegini juga dapat menyatukan kita dalam semangat sebagai sebahagian keluarga besar UTeM.

YBhg Datuk, Tuan – Tuan & Puan – Puan yang dihormati sekalian,

4. Suka saya ingatkan, Kumpulan UTeM Holdings perlu menjadi pathfinder bagi industri berteknologi tinggi dan canggih dengan melihat peluang yang wujud dalam mengembangkan perniagaan dengan menguna pakai kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh UTeM. Kumpulan UTeM Holdings tidak boleh bergerak secara solo dalam menjalankan perniagaan malahan perlu bergabung bersama – sama UTeM dalam jalinan tenaga serta usaha untuk berjaya dalam sesuatu perniaagaan.

5. Kumpulan UTeM Holdings juga perlu sentiasa menyokong dan melaksanakan aktiviti perniagaan sebagaimana ditetapkan oleh pihak berkuasa UTeM selari dengan tujuan asal penubuhan syarikat UTeM Holdings itu sendiri.
6. Saya sangat berharap bahawa dengan kerjasama yang jitu di antara Pihak UTeM dan Kumpulan UTeM Holdings di bawah kepimpinan Yang Berusaha Profesor Madya Ts. Mohd Rahimi bin Yusoff akan dapat melastarkan status kewangan UTeM seterusnya memastikan pentadbiran yang harmoni.
7. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan tahniah kepada bakal penerima Anugerah pada malam ini dan mendoakan agar Kumpulan UTeM Holdings terus berusaha lebih keras supaya kekal berdaya maju, dan berdaya saing serta berjaya mencapai KPI yang ditetapkan untuk tahun hadapan.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.



اوپورسیتی تکنیکل ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA